



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	01/01/2018

## Hamidah anggap Dr Mahathir diktator

pg-13

BH-1/1/2018

**Batu Gajah:** Bekas Naib Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Datuk Hamidah Osman menyifatkan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai diktator; ego serta mementingkan diri sendiri.

Beliau berkata, semua mesti mendengar cakap Pengerusi PPBM itu kerana jika tidak, mereka akan 'diserang'.

"Beliau hanya akan bersama sesiapa yang mahu bersekongkol dan jika bercanggah, beliau akan menolak" katanya sambil tidak menolak kemungkinan Dr Mahathir akan melakukan perkara sama terhadap pemimpin pembangkang lain yang enggan mengikut telunjuknya.

Bercakap pada sidang media di sini semalam, Hamidah berkata, beliau juga terkejut dan kecewa dengan kenyataan Dr Mahathir yang menggelar sesiapa meninggalkan PPBM sebagai sampah, malah lebih daripada musuh.

### Tertipu sertai PPBM

"Sebagai seorang yang tinggi kedudukannya, negarawan terulung boleh meletakkan dirinya begitu rendah dengan menggunakan persidangan itu (Perhimpunan Agung Tahunan PPBM) untuk menghentam saya dan rakan yang keluar parti.

"Tidak adil Tun M buat begitu kerana kami banyak melakukan pengorbanan ketika saya membuat keputusan untuk bersama beliau. Saya ketika itu masih Ketua Wanita UMNO Bahagian Gopeng, tetapi demi beliau, saya sanggup lepaskan jawatan, begitu juga rakan lain," katanya.

Hamidah yang juga bekas EXCO Kerajaan Perak, mengakui berasa tertipu selepas menyertai PPBM kerana pada awal penubuhannya, parti itu mendakwa kononnya mahu menggantikan UMNO untuk kepentingan agama, bangsa dan negara.

Bagaimanapun, katanya, persidangan sulung PPBM kelmarin, jelas menunjukkan ia hanya menjadi tempat serangan peribadi terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, bukannya berbincang mengenai perancangan untuk rakyat dan negara.

Katanya, tindakan PPBM mengemukakan usul supaya Dr Mahathir kembali menjadi Perdana Menteri juga sudah cukup menunjukkan matlamat itu yang berbaaur gila kuasa'.